



PELATIH menjalani sesi kaunseling di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan.

MODUL dan kaunseling yang dijalankan bagi meningkatkan keyakinan pelatih.

Haruan makan anak

Metro 20/1/13 MSC

Sering alami mimpi ngeri

Info

Antara Kes Haruan Makan Anak

13 Oktober 2012 - Pemungut barangan lusuh berusia 38 tahun dihukum penjara keseluruhan sejumlah 100 tahun dan 24 sebatan bagi lima tuduhan selepas mengaku bersalah merogol anak perempuannya berusia 13 tahun di Durian Tunggal, Alor Gajah, Melaka pada 2008. Dia mengulangi perbuatan sama pada Mac, September dan Oktober 2011.

19 September 2012 - Seorang pembantu tadbir dihadapkan ke Mahkamah Seksyen di Kuala Terengganu, Terengganu atas dua pertuduhan melakukan sumbang mahram dengan anak tiri berusia 18 tahun.

Lindungi mangsa sumbang mahram

Sabak Bernam: Menjadi

Kanak-kanak yang menjadi mangsa sumbang mahram biasanya mengalami beberapa simptom trauma seperti takut lelaki, mengalami mimpi ngeri, sering menungis, bersembunyi di tempat tersorok dan gemar menyendiri.

Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Datuk Noraini Mohd Hashim berkata, apabila simptom seperti itu dikesan selepas kanak-kanak diselamatkan dan dibawa ke tempat lebih selesa, JKJ akan memberi khidmat sokongan bagi membantu keluarga dan kanak-kanak ter-

babit melalui kaunselor, penempatan sementara di institusi jika perlu dan merujuk kepada agensi yang boleh membantu seperti psikiatrik.

“Selain itu, JKJ akan memastikan kanak-kanak terbabit tidak dilawati pelaku sehingga siasatan selesai. Ini untuk mengelakkan keluarga dipengaruhi maklumat yang akan dikemukakan kanak-kanak terbabit, seterusnya mengganggu siasatan pihak kami,” katanya kepada Metro Ahad.

Antara punca dikenal pasti menyumbang ke arah fenomena ‘haruan makan anak’, terutama dalam institusi kekeluargaan, adalah keperluan seksual tinggi, ketagihan

alkohol, kecenderungan seks kepada kanak-kanak (pedophilia), isteri tidak berfungsi dan kemarahan yang memuncak berpunca daripada kejadian lampau.

“Peranan kami di JKJ lebih kepada menyelamatkan kanak-kanak, membuat laporan polis jika penaja tidak melaporkannya, merujuk kepada laporan perubatan sama ada kanak-kanak berkenaan mengalami penderaan atau tidak.

“Selain itu, kami memberi perlindungan, misalnya mendapatkan perintah sementara mahkamah bagi membolehkan mangsa ditempatkan di institusi kebajikan atau perlindungan,” katanya.

Mangsa sumbang mahram hadapi konflik

Kuala Lumpur: “Cukup ketara apabila mangsa sumbang mahram (Ina) terlalu trauma hingga mencipta ilusi bahawa bapanya sudah mati. Ini menunjukkan penolakan menyeluruh yang menidakkan realiti demi melindungi dirinya,” kata Presiden Lembaga Kaunselor, Prof Madya Dr Mohamed Fadzil Che Din.

Katanya, kesan penderaan seksual itu sungguh mendalam bukan saja dari segi fizikal, malah emosi dan mental, kerana perkara sedemikian sukar diterima secara logik oleh mereka.

“Mungkin satu ketika dulu

anak gadis ini terlalu muda untuk memahami apa yang berlaku hinggalah usianya menginjak dewasa lalu terpaksa berdepan konflik jati diri.

“Gagal bertahan dalam situasi itu, gadis ini mula fokus kepada figura bapanya dan mencetuskan perasaan benci yang membawa kepada penolakan kuat.

“Tidak hairan terkeluar ayat seperti ‘semua lelaki jahat’ dan ‘aku benci bapa’ serta sebagainya merujuk kepada perasaan itu,” katanya.

Beliau berkata, bagi membantu gadis yang menjadi

mangsa kepada masalah sosial itu, usaha membimbing dengan menanam ciri positif boleh membantu mangsa daripada terus hanyut dalam gangguan perasaan.

“Dia diselubungi perasaan kotor serta jijik yang hanya melihat dirinya tidak suci serta mengabaikan perkara baik pada dirinya.

“Oleh itu, senaraikan ciri positif yang ada padanya dan beritahu padanya berkali-kali sehingga dia menyedari kelebihan itu. Insya-Allah dia akan mula menyayangi hidupnya dan lebih kuat untuk meneruskan kehidupan,” katanya.

30 Ogos 2012 - Seorang pemimpin sebuah parti pembangkang dan anak lelakinya ditahan bagi membantu polis berhubung satu kes sumbang mahram sehingga remaja perempuan itu melahirkan seorang bayi lelaki di sebuah pusat bersalin di Cheras, Kuala Lumpur.

28 Julai 2012 - Seorang nelayan berusia 53 tahun dihukum penjara maksimum 20 tahun dan 12 sebatan selepas mengaku bersalah terhadap tuduhan merogol dan meliwat anaknya berusia 24 tahun yang juga orang kelainan upaya (OKU) pada 20 Julai 2012 di sebuah rumah di Parit Tiram, Muar, Johor.

5 Julai 2012 - Seorang bapa enam anak, 39, dihukum penjara 20 tahun dan enam sebatan atas tuduhan melakukan sumbang mahram dengan anaknya berusia 15 tahun tiga bulan di Batu Gajah, Merlimau, Jasin pada jam 1 pagi, 28 Mac 2008.

20 Februari 2012 - Seorang penyanyi sebuah kumpulan berkonsep hip hop popular tanah air ditahan polis selepas didakwa merogol anak tirinya berusia 14 tahun di rumahnya di Gombak Jaya, Selangor.

3 Februari 2012 - Seorang pengawal keselamatan dari Jerneh, Terengganu, dijatuhkan hukuman penjara 60 tahun dan 30 sebatan atas tiga pertuduhan merogol anaknya pada 2011.

21 Januari 2012 - Seorang pekerja kilang dipenjarakan 15 tahun dan 30 sebatan selepas didapati bersalah atas tiga pertuduhan merogol anak sulungnya berusia 11 tahun selepas mangsa pulang dari sekolah di Bukit Beruntung, Selangor dua tahun lalu.

13 Disember 2011 - Seorang lelaki, 37, menjadikan anak kandungnya berusia 12 tahun sebagai hamba seksnya sejak setahun lalu di Jinjang, Kuala Lumpur.

6 Julai 2011 - Lelaki buta beristeri dua, 47, yang mengaku melakukan sumbang mahram dengan anak kandung perempuannya berusia 18 tahun sehingga menyebabkan mangsa mengandung tujuh bulan di sebuah flat di Jalan Dang Wangi, Kuala Lumpur, empat tahun lalu, dijatuhkan hukuman 10 sebatan dan penjara 18 tahun.

23 Jun 2010 - Bekas pengawal keselamatan berusia 49 tahun dipenjarakan 20 tahun dan 12 sebatan selepas didapati bersalah merogol anak kandungnya pada 2002 hingga 2008 di Kupang, Baling, Kedah.

7 Julai 2009 - Seorang peneroka Felda Chini Timur 3 di Pekan, Pahang yang beristeri empat dijatuhkan hukuman penjara 120 tahun dan 60 sebatan apabila didapati bersalah merogol anak kandungnya berusia 14 tahun antara Ogos hingga 6 November.

lingungan Wanita Baitul Ehsan di sini melindungi mangsa sumbang mahram bagi memastikan mereka mendapat rawatan pemulihan terbaik demi masa depan lebih cerah pada kemudian hari.

Pengurus Bahagian Perhubungan Korporat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Rohana Hassan berkata, ia selaras dengan fungsi rumah itu yang diwartakan sebagai pusat perlindungan bagi membantu, menjaga serta memperkasa hal ehwal wanita Muslim di Selangor.

“Baitul Ehsan sangat penting dan diletakkan di bawah pengurusan Ar Riqab, MAIS khusus dalam merawat, memulih mahupun memberi perlindungan berlandaskan ajaran Islam.

“Oleh itu, apabila membabitkan isu gadis berdepan kes sumbang mahram, menjadi tanggungjawab Baitul Ehsan memberi tempat berlindung kepada mereka.

“Bukan sekadar memberi tempat berteduh, anak gadis yang menjadi mangsa akan diberi penekanan aspek rohani serta mengasuh akhlak selama enam bulan berada di sini supaya mereka keluar dengan bekalan yang mampu melindungi diri daripada terbabit dengan maksiat,” katanya.

Beliau berkata, kebanyakan mangsa membabitkan gadis berusia awal belasan tahun, sekali gus sangat perlu membantu mereka.